

Jalan lain dicari

UM 16 SEP 2002

Oleh ASUKI ABAS dan ZAINI RABAN

SHAH ALAM 17 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan mencari jalan lain bagi membolehkan pelajar-pelajarnya yang tidak diberi visa bagi memasuki Amerika Syarikat (AS) melanjutkan pengajian mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan membuat sebarang bantahan terhadap tindakan itu sebaliknya menganggap ia sebagai hak kerajaan AS bagi menentukan siapa yang boleh memasuki negaranya.

“Tentunya kita perlu mencari cara untuk membolehkan mereka terus belajar. (Bagaimanapun) ia adalah sesuatu yang malang kerana mereka itu bukannya pengganas,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada seminar dua hari *Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam* di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan mengenai 150 pelajar Malaysia, kebanyakannya Islam, yang pulang bercuti, gagal mendapat visa berikutan keengganan pihak berkuasa AS memperbaharui atau mengeluarkannya sejak sebulan lalu.

Antara yang terlibat adalah pelajar tahun pertama, kedua dan tahun akhir di bawah tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Mara, Telekom Malaysia Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd. serta sekumpulan pelajar di Pusat Pengajian Persediaan.

Tindakan itu dipercayai disebabkan oleh

persepsi negatif negara kuasa besar itu terhadap lelaki beragama Islam selepas tragedi 11 September tahun lalu.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia tidak mempersoalkan tindakan tersebut kerana AS berhak untuk menentukan siapa yang boleh memasuki negaranya.

“Itu negara mereka dan saya rasa mereka ada hak, seperti juga kita ada hak untuk menentukan orang yang hendak masuk ke negara kita.

“Itu adalah keputusan mereka (dan) kita tidak persoalkan tetapi mereka juga jangan persoal atau campur dalam pentadbiran negara kita,” katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, isu tersebut akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet.

Kebenaran

“Saya boleh bawa (isu itu) ke Kabinet tetapi biasanya kita tidak membuat bantahan,” ujarnya.

Ditanya sama ada tindakan AS terhadap umat Islam Malaysia disebabkan pengisytiharan terbuka beliau pada tahun lalu bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam, Perdana Menteri berkata, ia adalah harga yang perlu dibayar untuk kebenaran.

“Apabila kita berpegang kepada yang benar, memang ada harga yang perlu dibayar dan kita terimalah.

“Kita berpegang kepada Islam jadi kita tidak perlu khuatir atau berasa curiga atau takut untuk menyatakan yang benar (tetapi) kesannya kita terimalah, apa nak buat,” ujarnya.

lanjutkan pengajian